

PAPER CODE : AC130

AMALAN KEBATINAN DALAM SENI SILAT MELAYU: ANALISIS TERHADAP DASAR MENENTANG LIMA PERKARA DALAM PERTUBUHAN GERAK SENI SILAT ABJAD (ASLI) JABAT KILAT MALAYSIA

Mohd Muhaizam bin Md ishak

*Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam CITU, Universiti Teknologi MARA (Kedah), Malaysia
muhaizam@kedah.uitm.edu.my*

Abstrak

Kertas ini membincangkan suatu aspek yang sering menjadi polemik antara golongan yang menerima dengan yang menolaknya iaitu aspek kebatinan dalam Seni Silat Melayu. Dalam membincangkan topik ini, penulis mengetengahkan Dasar Menentang Lima Perkara sebagai asas dan dasar perbincangan. Dasar Menentang Lima Perkara ini mengandungi lima *usul* penting yang menjadi pegangan kepada Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia dalam menolak amalan-amalan kebatinan yang menyeleweng dalam seni silat Melayu. Oleh itu dasar Menentang Lima Perkara ini menjadi tumpuan utama penulisan kertas ini dan ia telah dihurai dan dianalisis satu persatu. Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang Dasar Menentang Lima Perkara ini, maka latar belakang dan perkembangan Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia telah disorot secara sepintas lalu. Penulis turut menyentuh di awal perbincangan tentang sejarah dan perkembangan seni Silat Melayu secara ringkas.

Kata kunci: Seni Silat Melayu; amalan kebatinan; Dasar Menentang Lima perkara; ilmu dan amal; PGSSAJKM

1. Pendahuluan

Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu mentakrifkan seni silat sebagai, “*Ilmu membela diri yang dilengkapi dengan unsur-unsur kesenian dan tatasusila peradaban Melayu*”.¹ Adalah dipercayai bahawa seni silat sudah pun wujud sejak zaman kerajaan Melayu tradisional seperti Sriwijaya dan Majapahit. Kerajaan-kerajaan ini mempunyai pasukan tentera yang kuat, yang terdiri daripada para pahlawan dan pendekar yang mahir dalam seni beladiri. Ini dapat dibuktikan dengan penemuan arkeologi berupa ukiran timbul di candi Borobudur yang menunjukkan bentuk alat-alat senjata dan beberapa teknik pertarungan.² Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka Tokoh-tokoh seperti Tun Perak, Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu bahkan Sultan Melaka sendiri seperti Sultan Alauddin Riayat Syah³ adalah para pendekar yang handal bermain keris dan pencak silat. Tidak keterlaluan dikatakan bahawa seni silat turut menyumbang kepada perluasan tanah jajahan Melaka sehingga akhirnya Kesultanan Melayu Melaka telah muncul sebagai sebuah empayar yang kuat dan digeruni di Asia Tenggara pada abad ke-16.

Pada zaman penjajahan barat di nusantara, sejarah telah menyaksikan kebangkitan para pejuang Melayu menentang kolonialisme barat. Walaupun penjajah memiliki senjata-senjata api seperti pistol, senapan dan meriam serta kapal perang yang moden namun orang-orang Melayu tidak mengaku kalah. Sejarah menjadi saksi, tidak sedikit askar penjajah sama ada Portugis, Inggeris, Belanda, Siam mahupun Komunis⁴ telah mati terbunuh akibat daripada ditikam, dipanah dan ditetak di samping disepak terajang oleh hulubalang dan pendekar-pendekar Melayu dengan gaya dan gerak seni silat Melayu. Setelah negara mencapai kemerdekaan, keadaan dan kedudukan seni silat Melayu telah mengalami perubahan sejajar dengan perubahan zaman. Kini seni silat tidak lagi digunakan untuk peperangan atau meluaskan tanah jajahan seperti dahulu. Sebaliknya seni silat pada masa sekarang lebih berperanan sebagai seni budaya, riadah dan sukan olahraga disamping seni silat sebagai alat beladiri.

2. Amalan Kebatinan Dalam Seni Silat Melayu

Sebenarnya unsur-unsur berbentuk kebatinan bukan saja wujud dalam seni silat bahkan ia turut terdapat dalam bidang perubatan, seni tarian dan nyanyian serta adat-istiadat orang Melayu. Ini kerana orang Melayu sejak zaman

sebelum kedatangan Islam lagi sudah memiliki kepercayaan yang kuat terhadap alam ghaib. Pandangan semesta orang Melayu memperlihatkan kepercayaan terhadap alam ghaib (spiritual) yang wujud berdamping dengan alam nyata.⁵ Bertitik-tolak daripada kepercayaan tersebut muncullah pelbagai amalan kebatinan⁶ dalam pelbagai bidang kehidupan orang Melayu termasuklah bidang seni beladiri.

Namun aspek kebatinan dalam Seni Silat Melayu telah mengalami tahap perkembangan yang berbeza-beza berdasarkan sejarah kepercayaan orang-orang Melayu di nusantara. Dengan kata lain, amalan kebatinan dalam seni silat berubah-ubah berdasarkan pengaruh penerimaan kepercayaan dan agama yang dianuti oleh masyarakat Melayu bermula dengan animisme, Hindu, Buddha dan Islam. Ini bermakna, pada zaman sebelum kedatangan Islam pengaruh animisme, Hindu dan Buddha memang wujud dalam seni silat. Apabila orang Melayu memeluk agama Islam, unsur-unsur kerohanian Islam pula mempengaruhi seni silat Melayu.⁷

Dewasa ini terdapat sesetengah pertubuhan seni silat Melayu yang menonjolkan aspek-aspek kebatinan dan kerohanian Islam dalam aktiviti-aktiviti persilatan mereka. Bahkan terdapat pertubuhan seni silat yang mempraktikkan amalan-amalan kerohanian Islam yang bercorak tasawuf dan tarekat. Diantaranya ialah Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia atau ringkasnya PGSSAJKM. Oleh itu dalam pembentangan selanjutnya, penulis akan menyentuh sedikit tentang latar belakang pertubuhan ini dan seterusnya tumpuan akan diberikan kepada Dasar Menentang Lima Perkara yang menjadi pegangan dan panduan ahli-ahli pertubuhan silat ini.

3. Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia

Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia adalah satu nama yang diberi kepada suatu pertubuhan pertahanan diri yang didalamnya terdapat semua jenis langkah pertahanan diri, rohani dan jasmani yang diberi nama atau belum diberi nama dan latihannya adalah mengadap seluruh diri kepada Allah dalam *'ubudiyah* dan minta tolong serentak melalui lidah, hati dan anggota di mana-mana tempat, waktu dan masa berlandaskan akidah, syariat dan akhlak *ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*.⁸

Pertubuhan silat ini telah diasaskan oleh al-Marhum Tuan Guru Hj. Mahmud Nasri Othmani. Beliau telah mewujudkan pertubuhan ini pada akhir tahun 1969 iaitu selepas berlakunya peristiwa 13 Mei yang bersejarah. Pada peringkat awalnya, pertubuhan ini bergerak di bawah Sultan Abdul Hamid Sport Club di Alor Setar. Pertubuhan silat ini kemudiannya menjadi ahli gabungan kepada Persatuan Silat Gayong, Tomoi, dan Kuntau Jawa negeri Kedah.⁹ Pada tahun 1983, pertubuhan ini telah didaftarkan diperingkat negeri Perak dengan nama Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Perak dengan nombor pendaftaran P.K. 2090.¹⁰

Menyedari bahawa pertubuhan ini hendak dikembangkan ke seluruh Malaysia malah mahu digerakkan hingga ke peringkat global maka nama ABJAD Perak dilihat kurang sesuai. Oleh itu permohonan pertukaran nama pertubuhan, daripada nama ABJAD Perak kepada ABJAD Malaysia telah dilakukan. Akhirnya pada 29 September 1988, Pendaftar Pertubuhan Malaysia telah meluluskan nama pertubuhan ini dengan nama Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia. Sehingga kini pertubuhan ini telah berkembang ke seluruh negara dengan mempunyai 16 cawangan di peringkat negeri.¹¹ Kini pertubuhan ini dipimpin oleh Ustaz Haji Ahmad bin Che Din.

4. Dasar Menentang Lima Perkara

PGSSAJKM mempunyai lima belas *usul* pegangan yang menjadi panduan dan pedoman kepada ahli-ahlinya dalam mengamalkan ilmu pertahanan diri. Lima belas *usul* ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu lima *usul* menentang (menentang lima perkara), lima *usul* menegak (menegak lima perkara) dan lima *usul* melazim (melazim lima perkara).¹² Dalam kertas ini hanya bahagian pertama iaitu lima *usul* menentang sahaja yang akan dibahaskan. Penulis namakan lima *usul* tersebut sebagai Dasar Menentang Lima Perkara. Secara ringkasnya dasar tersebut adalah seperti berikut:

Dasar Menentang Lima Perkara	
1	Ilmu dan amal yang ada mubaya'ah dan di sertai dengan sumpah
2	Ilmu dan amal yang ada pantang larang
3	Ilmu dan amal yang berpegang kepada kebesaran ayat, wirid, jampi dan doa-doa
4	Latihan dalam keadaan marah atau dimarahi untuk menzahirkan sesuatu yang mencarik adat
5	Ilmu dan amal yang tidak diketahui asal-usul, di mana dan ke mana

5. Perbincangan dan analisis

Lima perkara di atas ditentang dan ditolak oleh pertubuhan ini kerana perkara-perkara tersebut dianggap bertentangan dengan ajaran Islam dan menyalahi akidah, syariah dan akhlak Islam. Oleh itu Pertubuhan ini menyeru ahli-ahlinya dan seluruh anggota masyarakat agar menjauhi diri daripada terjebak dengan perkara-perkara tersebut. Penulis akan membincangkan perkara-perkara tersebut satu persatu, dimulai dengan menyentuh perkara yang pertama dahulu iaitu:

Jenis ilmu dan amal yang ada *mubaya'ah* yang disertai sumpah bertujuan kepada hikmah mencarik adat

Terdapat dalam seni bela diri orang Melayu suatu aliran seni silat yang meletakkan syarat kepada ahli-ahlinya supaya melakukan *mubaya'ah* atau perjanjian yang diiringi dengan sumpah, seumpama seseorang berkata, "*Aku bersumpah dengan nama Allah tidak akan meninggalkan solat buat selama-lamanya*".¹³ Perjanjian dan sumpah tersebut biasanya dilakukan di hadapan guru silat sebagai suatu upacara wajib bagi menandakan seseorang itu menjadi murid atau ahli kepada sesuatu pertubuhan seni silat. *Mubaya'ah* atau perjanjian tersebut perlu dipatuhi dan ditaati oleh murid tersebut agar ilmu silat yang dipelajarinya menjadi berkesan dan berhasil. Sering kali terjadi perjanjian dan sumpah tersebut dipatuhi demi memperolehi sesuatu perkara yang luar biasa.¹⁴ Menurut PGSSAJKM, perjanjian yang dilakukan itu bolehlah dibahagikan kepada tiga keadaan¹⁵ seperti berikut:

- a. Perjanjian yang sama dengan hukum syarak sama ada sama dengan perkara yang wajib, sunat, haram, makruh atau harus. Umpamanya seseorang berkata, "*aku bersumpah dengan nama Allah tidak akan menderhaka pada ibu bapa sepanjang umurku*".¹⁶
- b. Perjanjian dengan sesuatu perkara yang dihukumkan harus pada hukum syarak seperti seseorang berkata, "*Aku bersumpah dengan nama Allah tidak akan memakan benda-benda yang bernyawa selama beramal dengan ilmu ini*".¹⁷
- c. Perjanjian dengan sesuatu perkara yang dihukumkan bersalahan dengan hukum syarak seperti seseorang berkata, "*Aku bersumpah dengan nama Allah tidak akan berkahwin dalam apa keadaan sekalipun*".¹⁸

Amalan *mubaya'ah* yang disertai dengan bersumpah sebegini mempunyai kesan dan implikasi yang besar dari sudut akidah, syariah dan akhlak. Ini kerana hukum syarak yang terkandung didalamnya hukum *taklifi*¹⁹ dan hukum *wadi'*²⁰ diterima oleh seseorang *mukallaf*²¹ melalui ucapan dua kalimah syahadah. Apabila seseorang mengucapkan dua kalimah syahadah maka secara automatik dirinya diikat dengan hukum *taklifi* dan *wadi'* tersebut. Perkara yang wajib hendaklah ditunaikan, yang haram hendaklah ditinggalkan dan begitulah seterusnya dengan yang makruh, sunat dan harus. Ini bermakna segala perbuatan dan kerja buatnya sentiasa berada pada hukum wajib atau sunat atau haram atau makruh atau harus semenjak kalimah syahadah dilafazkan. Jadi hukum syarak tersebut dipikul oleh seseorang *mukallaf* dengan semata-mata dirinya mengucapkan dua kalimah syahadah. Dengan perkataan

yang lain, kewajiban melaksanakan hukum syarak itu datang dengan sebab seseorang itu telah mengucap dua kalimah syahadah.

Oleh itu apabila seseorang penuntut ilmu silat membuat perjanjian dan bersumpah untuk menunaikan *solat* dan tidak akan meninggalkannya, maka menurut PGSSAJKM perbuatan berjanji untuk taat dan patuh kepada hukum kefardhuan *solat* kerana menuntut ilmu silat pada hakikatnya adalah suatu tindakan membatalkan hukum kefardhuan *solat* yang telah diterimanya sejak melafazkan kalimah syahadah dahulu lalu ditukarkan dengan hukum kefardhuan *solat* yang baru yang diterimanya melalui sumpah dan *mubaya'ah* yang dibuat ketika menuntut ilmu silat tersebut. Ini bermakna *solat* yang dilaksanakan selepas *mubaya'ah* itu adalah hasil daripada ketaatan dan kepatuhan kepada sumpah dan perjanjian yang baru dibuat dan bukan hasil daripada tuntutan syahadah lagi.

Demikian juga dengan perjanjian dan *mubaya'ah* yang harus pada hukum syarak seperti tidak mahu makan benda-benda yang bernyawa. Sebenarnya tindakan tersebut telah dengan sengaja menaiktarafkan hukum harus menjadi haram. Sehingga jadilah ia hukum syarak yang baru dan terbatal dengan sumpah dan perjanjian tersebut hukum syarak yang asal. Begitulah juga halnya dengan perjanjian dan *mubaya'ah* yang bercanggah dengan hukum syarak seperti tidak mahu berkahwin selama-lamanya. Secara tidak sedar tindakan tersebut telah dengan sengaja meminda hukum yang wajib menjadi haram.²² Jadilah ia hukum syarak yang baru dan termansuhlah dengan sumpah dan perjanjian tersebut hukum syarak yang asal. Perbuatan sebegini sebenarnya hanya merosakkan pegangan agama penuntut ilmu silat tersebut.

Perkara kedua yang ditolak ialah:

Ilmu dan amal yang ada pantang larang yang menepati hukum syarak sama ada wajib, sunat, haram, makruh atau harus

Terdapat dalam seni silat Melayu jenis ilmu dan amal yang dikenakan syarat-syarat yang bersifat pantang larang²³. Pantang larang tersebut diperolehi daripada guru yang mewariskan ilmu dan amal tersebut kepada muridnya.²⁴ Pantang larang yang dikenakan itu, pelbagai ragam dan bentuk, ada yang menepati²⁵ hukum syarak dan ada yang berlawanan²⁶. Murid dikehendaki patuh dan taat kepada pantang larang tersebut. Murid juga diingatkan bahawa keberkesanan ilmu yang dipelajarinya bergantung kepada ketekunannya beramal dan sejauh mana dia menjaga pantang larang. Kadang-kadang murid turut dipesan tentang kemungkinan ilmu boleh makan diri jika pantang larang yang dikenakan dilanggar.

Di dalam kes ini, PGSSAJKM lebih memfokuskan kepada amalan membuat syarat atau pantang larang yang menepati hukum syarak sahaja kerana ia lebih banyak menimbulkan kekeliruan dan salah faham kepada orang ramai. Terdapat dua isu di sini yang perlu diberi perhatian:

- a. Perbuatan mengenakan syarat yang menepati hukum syarak sebegini sebenarnya tiada landasan di dalam agama. Apa yang jelas daripada sunnah Rasul SAW baginda tidak pernah meletakkan apa-apa syarat yang menepati hukum syarak dalam menuntut apa-apa jenis ilmu sekalipun. Ini kerana kewajiban tersebut sudah termaktub di dalam agama selepas menerima agama dengan mengucap dua kalimah syahadah. Ternyata perbuatan melarang meninggalkan *solat* atau menderhaka ibu bapa apabila belajar ilmu seni silat akan menjadikan seseorang *mukallaf* menanggung dua fardu yang sama secara serentak. Pertama, fardu kerana hukum syarak dan kedua, fardu kerana belajar ilmu silat. Tidakkah perbuatan sebegini termasuk di dalam perkara membuat *bid'ah* di dalam agama?
- b. Keadaan jadi lebih merbahaya, jika keberkesanan ilmu silat yang dipelajari disandarkan pula kepada pantang larang seperti beranggapan ilmu tidak menjadi kerana tidak mematuhi pantang larang. Anggapan seperti ini boleh mencemarkan akidah kerana meletakkan selain *dhat* Allah mempunyai kuasa memberi manfaat dan mudarat. Sedangkan Dialah *al-Nafi'u* dan Dialah *al-Darru*²⁷. Segala yang berlaku pada seseorang adalah hasil perbuatan Allah yang maha berkehendak kerana Allah itu *fa'alun lima wurid*.²⁸ Bahkan bagi setiap perkara yang berlaku sama ada baik (*al-Hasanah*) atau buruk (*al-Sayyi'ah*) Allah berfirman: "*kullon min indillah*".²⁹
- c. Dari segi lain, pantang larang yang menepati hukum syarak sebegini adalah tidak logik. Ini kerana tidak mungkin bahkan hampir mustahil seseorang tidak akan melanggar pantang larang tersebut. Sudah menjadi lumrah manusia itu membuat salah akibat daripada cuai dan lalai. Akibatnya manusia kadang-kadang meninggalkan apa

yang disuruh dan membuat apa yang dilarang. Jadi mungkinkah seorang penuntut ilmu silat langsung tidak akan tersilap untuk menderhakai ibu bapanya? Bolehkah dia langsung tidak meninggalkan solatnya walaupun sekali? Lebih pelik lagi jika ilmu silatnya tetap berkesan walaupun dia sudah melanggar pantang larangnya. Tetap kebal walaupun sudah beberapa kali menderhakai ibu bapanya. Tidakkah pantang larang itu *lagha* dan kosong?

Perkara ketiga yang ditolak ialah:

Ilmu dan amal yang berpegang kepada kebesaran ayat, wirid, zikir,
jampi, doa dan lain-lain, boleh mendatangkan bekas
untuk mendapat sesuatu hajat

Menjadi amalan pertubuhan Seni Silat Melayu menyarankan kepada ahli-ahlinya supaya beramal dengan ayat al-Qur'an, zikir, wirid, *hizb*, selawat dan doa-doa untuk tujuan memantapkan lagi ilmu beladiri.³⁰ Kebiasaannya amalan-amalan tersebut dilakukan dengan tujuan memperoleh kebolehan luar biasa yang menakjubkan. Guru atau jurulatih berfungsi memberi ijazah kepada murid untuk murid tersebut beramal dengan zikir, wirid atau ayat-ayat al-Qur'an tertentu dengan peraturan dan kaifiat yang tertentu. Ayat-ayat al-Qur'an, zikir, wirid dan selawat tersebut dinyatakan pula fadilat dan azimatnya seperti untuk ghaib, kebal, tilik dan lain-lain. Kadang-kadang ayat-ayat al-Qur'an ditulis di atas tangkal dan dipakai pada anggota badan.

Pada penilaian penulis, beramal dengan ayat-ayat al-Quran, zikir, selawat, *hizb* dan doa tertentu untuk pertahanan diri tidaklah menjadi kesalahan. Ini kerana penulis mendapati terdapat sebahagian daripada para ulama silam turut menganjurkan amalan-amalan tersebut. Diantaranya ialah ulama Melayu yang masyhur iaitu Syeikh Abdul Samad al-Falimbani. Sebagai seorang tokoh tasawuf dan tarekat, beliau sangat menitik-beratkan amalan kerohanian dalam bentuk wirid, zikir, *hizb* dan doa termasuklah wirid dan doa-doa khusus untuk pertahanan diri. Di dalam kitab karangannya, beliau ada menyebutkan ayat-ayat al-Qur'an dan doa-doa yang boleh digunakan sebagai azimat dalam peperangan *sabil*.³¹ Demikian juga ulama Patani tersohor, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, turut menyebutkan di dalam kitabnya "*Munyah al-Musalli*",³² beberapa wirid dan doa yang baik diamalkan untuk pertahanan diri.

Namun begitu penulis berpendapat bahawa keharusan beramal dengan ayat al-Qur'an, zikir, wirid dan doa yang khusus untuk pertahanan diri mestilah memenuhi dua syarat berikut:

- a. Matlamat daripada beramal tersebut hendaklah dengan niat *taqarrub* kepada Allah dan bukan bertujuan untuk memperoleh perkara-perkara luar biasa yang ajaib lagi menakjubkan.³³ Apa-apa wirid, zikir dan doa yang diamalkan hanyalah sebagai *wasilah* memohon pertolongan Allah Yang Maha Kuasa bagi menghadapi musuh. Pada hakikatnya ia termasuk dalam erti kata *bertawasul* dengan amal soleh.
- b. Hasil dan kesan daripada beramal hendaklah dikembalikan kepada Allah dan bukannya kepada ayat al-Qur'an yang dibaca atau zikir yang dibuat atau wirid yang dilakukan. Tidak wajar berpegang dan bergantung kepada fadilat ayat atau *khasiat* zikir atau kaifiat wirid sehingga beriktihad bahawa ayat-ayat al-Qur'an dan wirid-wirid itu yang memberi bekas dan menghasilkan hajat.³⁴ Wajib bergantung, berpegang dan bersandar kepada Allah semata-mata dalam semua kerja buat dan beriktihad Allah sahaja yang menghasilkan segala hajat. Ini kerana Allah itu *al-Samad*.³⁵ Semua makhluk bergantung dan berhajat kepada-Nya.

Perkara keempat yang ditolak ialah:

Jenis latihan yang berada dalam keadaan marah atau dimarahi bagi
menzahirkan sesuatu yang mencarik adat

Terdapat dalam seni silat Melayu suatu aliran seni silat yang mesti berada dalam keadaan marah atau dimarahi terlebih dahulu sebelum dapat menzahirkan perkara-perkara luar biasa. Perkara luar biasa tersebut tidak dapat dizahirkan jika berada dalam keadaan biasa. Dr. Amran Kasimin dalam kajiannya terhadap ilmu beladiri yang dipanggil "Ilmu Budi Suci" menyatakan:

“ syarat utama keberkesanan amalan ini, orang yang menyerang mesti dalam keadaan marah. Semakin marah berlaku pada diri penyerang maka semakin teruk ia menerima kesan daripada hembusan yang dilakukan, bergulung-gulung atau terpelanting jauh. ”³⁶

Untuk meneroka fenomena di atas, penulis telah melakukan beberapa pemerhatian. Setelah memerhati dan mengamati, penulis mendapati isu sebenar di sini ialah tentang “*gejala gerak*”. Hakikatnya terdapat pelbagai gerak dalam Seni Silat Melayu. Penulis bahagikan gerak tersebut kepada tiga iaitu *gerak dalam sedar*, *gerak separuh sedar* dan *gerak luar sedar*. Gerak dalam sedar tidak perlu dihuraikan kerana ia berlaku hasil daripada latihan dan tunjuk ajar guru. Namun timbul kemusykilan berhubung gejala gerak separuh sedar dan luar sedar.

Apakah rahsia dibalik gerak-gerak tersebut? Setelah mengkaji dan menyelidik, penulis membuat kesimpulan bahawa fenomena ini terjadi hasil daripada penglibatan kuasa ghaib dan makhluk halus. Terdapat unsur-unsur kemasukan roh jin ke dalam tubuh yang menyebabkan berlakunya gerak.³⁷ Berhubung perkara ini Dr. Haron Din pernah berkata:

“ Masih banyak lagi orang yang menuntut ilmu mempertahankan diri yang melibatkan tenaga makhluk-makhluk halus. Dengan membaca doa-doa atau jampi tertentu, seseorang itu dengan sendirinya akan pandai bersilat, biarpun orang yang berkenaan tidak pernah mempelajari ilmu silat sebelum itu. Ketika membaca doa dan jampi, nama-nama tertentu seperti nama-nama panglima akan disebut. Apabila makhluk tadi meresap ke dalam badan maka dengan secara otomatik seseorang itu akan bersilat, boleh memanjat pokok kelapa. Padahal ia tidak pernah melakukan perbuatan tersebut sebelum itu dan tidak berupaya berbuat demikian ketika dalam keadaan biasa. ”³⁸

Sebenarnya penulis melihat fenomena di atas sebagai salah satu daripada bentuk “*tahdir al-Arwah*” dan “*tanasukh al-Arwah*” yang dilarang oleh syarak. Ini kerana tindakan menyeru nama-nama para pendekar yang telah mati dan memohon permainan silat mereka menunjukkan bahawa ada kepercayaan bahawa roh orang mati boleh dipanggil semula untuk menunaikan sesuatu hajat. Begitu juga kepercayaan setengah ahli pencak silat tentang roh para malaikat, nabi, wali dan panglima zaman dahulu kala boleh berpindah dan menjelma masuk ke dalam tubuh seseorang. Sedangkan tidak ada nas syarak sama ada hujah al-Qur’an, al-Sunnah, *al-Ijma’* atau *al-Qiyas* yang mengatakan roh nabi, wali dan malaikat diizinkan oleh Allah menjelma masuk ke dalam diri seseorang. Sebaliknya terdapat nas menyatakan bahawa hanya roh jin yang mendakwa diri sebagai nabi, wali atau pendekar sahaja yang boleh berbuat begitu.³⁹

Situasi marah pula merupakan salah satu daripada cara mudah syaitan memasuki tubuh manusia dan seterusnya menguasai manusia untuk melakukan pelbagai kemungkaran dan jenayah. Rasulullah SAW pernah bersabda:

“Sesungguhnya marah itu daripada syaitan dan syaitan itu dicipta daripada api dan sesungguhnya dipadamkan api dengan air. Oleh itu jika salah seorang daripada kamu marah maka hendaklah dia berwuduk. ”⁴⁰

Oleh sebab itulah Nabi SAW menyarankan supaya berkata “*A’udhubillah min al-Shaytan al-Rajim*” ketika seseorang berada dalam keadaan marah.⁴¹ Oleh itu jelaslah bahawa marah merupakan salah satu pintu syaitan menguasai diri manusia. Maka tidak mustahil syaitan yang merupakan makhluk jin memasuki tubuh pesilat yang sedang marah lalu menguasai dirinya buat beberapa ketika sehingga terjadilah aksi-aksi luar biasa yang menakjubkan daripada pesilat tersebut.

Perkara kelima yang ditolak ialah:

Jenis ilmu dan amal yang tidak diketahui asal-usul dari mana, di mana dan ke mana
--

Perkara di atas merujuk kepada persoalan sumber dan matlamat iaitu sumber pengambilan ilmu dan amal bercorak kebatinan dalam Seni Silat Melayu dan matlamat daripada ilmu dan amal tersebut. Untuk menyusuri isu

ini, penulis mulakan dengan persoalan sumber terlebih dahulu dan kemudiannya baharulah perbincangan tentang matlamat dilakukan.

a. Sumber pengambilan ilmu dan amal

Seperti yang sedia maklum, ilmu persilatan Melayu mempunyai dua aspek iaitu zahir dan batin. Aspek zahir tidak menjadi masalah untuk dipelajari daripada sesiapa sahaja hatta daripada orang kafir sekalipun. Ini kerana aspek zahir silat Melayu hanyalah soal langkah, bunga, tari dan gerak iaitu perkara kemahiran dan teknik sahaja. Syarak tidak menegah orang Islam mempelajari dan mempraktikkan apa-apa kemahiran asalkan ia bermanfaat dan bertujuan baik.

Akan tetapi untuk mempelajari dan mempraktikkan aspek batin dalam Seni Silat Melayu maka persoalan sumber atau silsilah menjadi sangat penting. Ini kerana aspek kebatinan dalam Silat Melayu berkait rapat dengan perkara-perkara luar biasa yang pelik dan tidak logik. Oleh itu ia perlu ditentukan sumbernya agar dapat dipastikan perkara-perkara luar biasa tersebut muncul melalui cara yang *haq* atau pun *batil*.⁴² Bahkan perkara sebegini memang sudah termasuk dalam perbincangan ilmu akidah dan tauhid.

Oleh hal yang sedemikian, ilmu dan amal bercorak kebatinan dalam Seni Silat Melayu sama ada berupa wirid, *hizb*, zikir, jampi dan doa dengan segala *fadilat*, *khasiat* dan *kaifiat*, dengan apa nama dan rupa bentuk, perlulah diketahui silsilah dan sanadnya. Ini supaya dapat dikenalpasti asal-usul ilmu dan amal tersebut sama ada ia berasal daripada Bani Adam (manusia) atau pun berpunca daripada makhluk ghaib (jin).⁴³

Sekiranya ilmu dan amal yang dipelajari itu berasal-usul daripada manusia maka sangat mustahak dikenalpasti jenis dan sahsiah manusia tersebut. Adakah dia seorang manusia mukmin yang terpelihara akidah, syariah dan akhlaknya? Atau jenis manusia yang fasiq, zalim, ‘*asi*, munafik, kafir dan murtad? Jika ilmu dan amal tersebut berasal daripada orang yang terkenal *thiqah* akidah, syariah dan akhlaknya, maka tidak syak lagi ia boleh dipelajari dan dipraktikkan.⁴⁴ Tetapi jika ia berasal-usul daripada seorang yang bersahsiah fasiq, zalim atau munafik maka ilmu dan amal mereka mengandungi *shubhah* yang amat meragukan.⁴⁵ Demikian juga seandainya ia berpunca daripada orang kafir atau orang murtad, sudah tentu ilmu dan amal mereka tertolak sama sekali.⁴⁶

Sementara ilmu dan amal kerohanian yang berasal-usul daripada makhluk jin sama ada yang diperolehi secara jaga atau mimpi adalah sangat mengelirukan. Ini kerana jin adalah makhluk ghaib yang boleh menjelma apa saja rupa dan bentuk lalu mendakwa dirinya sebagai *Khidir*, Imam Mahdi, Wali Songo, Hang Tuah dan lain-lain dengan tujuan untuk menipu dan memerangkap manusia agar manusia meminta pertolongan kepadanya lalu mengambilnya sebagai sahabat dalam segala kerja buat termasuklah dalam soal menjaga keselamatan diri. Sedangkan sebahagian daripada jin adalah syaitan-syaitan yang bekerja siang dan malam untuk menyesatkan manusia dengan pelbagai cara dan strategi. Oleh itu mengambil ilmu dan amal daripada mereka hanya akan membawa manusia jatuh ke lembah syirik dan kufur. Bahkan agama tidak pernah menyuruh manusia mengambil ilmu daripada jin-jin.

b. Matlamat atau hala tuju sesuatu ilmu dan amal

Menjadi kelaziman ahli-ahli seni silat Melayu sentiasa berusaha membina kekuatan zahirnya dengan latihan fizikal yang mantap di samping melengkapkan dirinya dengan kekuatan batin melalui amalan-amalan kebatinan. Memang dapat dijangkakan bahawa matlamat daripada membina kekuatan zahir ialah untuk memperolehi tubuh badan yang sihat, kuat dan gagah bersesuaian dengan sifatnya sebagai seorang ahli seni beladiri. Namun sukar untuk dipastikan secara tepat tujuan sebenar para pesilat membina kekuatan dalaman (batin) sehingga boleh melakukan pelbagai aksi luar biasa yang menakjubkan.

Tinjauan rambang penulis terhadap pengamal-pengamal seni silat Melayu masa kini mendapati, ada beberapa sebab yang mendorong minat para pesilat membina kekuatan dalaman mereka. Antaranya kerana mahu bermegah dan berbangga-bangga setelah dapat melakukan aksi-aksi hebat dan luar biasa sehingga mendapat sanjungan dan pujian para pengikut serta mengagumkan orang ramai. Lalu mereka menggelarkan diri sebagai Maha Guru, Khalifah Perang, Imam dan sebagainya di samping berusaha mencari pengiktirafan duniawi seperti mengejar gelaran Dato’, Tan Sri dan lain-lain.

Ada juga pesilat yang berusaha keras memantapkan zahir dan batinnya kerana didorong oleh semangat kemelayuan semata-mata. Kadang-kadang terkeluar daripada lidah orang yang seumpama ini ungkapan-ungkapan seperti, “*Aku nak jadi kebal sebab nak pukul Cina*” atau “*Aku nak ghaib supaya senang pukul*

Hindu” dan macam-macam lagi ungkapan seperti tersebut yang memaparkan semangat perkauman Melayu dan citarasa *asabiyyah* yang berkobar-kobar.

Disamping itu ada juga penggiat seni silat yang menumpukan perhatian yang serius terhadap aktiviti-aktiviti kebatinan tanpa mempunyai matlamat dan hala tuju yang jelas. Akhirnya mereka terjebak dengan kegiatan jenayah dan salah laku seperti menjadi kaki pukul, kaki buli, menyertai kongsi gelab dan lain-lain. Lebih malang apabila ada pengamal silat secara beramai-ramai melakukan jenayah yang boleh mengancam keamanan dan kedaulatan negara seperti yang pernah dilakukan oleh anggota Pertubuhan Persaudaraan Ilmu Dalam al-Maunah suatu ketika dahulu.

KESIMPULAN

Daripada semua hujah, fakta dan keterangan di atas, bolehlah dibuat kesimpulan bahawa Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad Jabat Kilat Malaysia menolak dan menentang lima perkara seperti yang termaktub di dalam ‘*Dasar menentang lima perkara*’ kerana jelas bahawa perkara-perkara tersebut bertentangan dengan ajaran Islam. Bahkan lima perkara tersebutlah yang menjadi punca kesesatan sebahagian daripada ilmu beladiri orang-orang Melayu. Ilmu dan amalan kebatinan yang bertitik-tolak daripada lima perkara tersebut akan membawa pengamalnya kepada kesesatan akidah, syariah dan akhlak sehingga meletakkan diri pengamalnya berada di zon kufur dan maksiat sama ada sebagai seorang yang telah menjadi fasiq, zalim, munafik atau kafir lagi murtad. Sementara perkara-perkara menarik adat yang keluar dan terbit daripada orang-orang yang berada di zon kufur dan maksiat pada hakikatnya adalah *istidraj* atau sihir hasil warisan zaman animisme, Hindu dan Buddha.

Nota Hujung:

¹ *Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu* (1999), j. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 2231.

² Lihat, Tuan Ismail Tuan Soh (1991), *Seni Silat Melayu Dengan Tumpuan Kepada Seni Silat Sekebum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 40.

³ Sejarah Melayu menceritakan tentang kehandalan seni silat baginda sultan apabila baginda berjaya menewaskan pencuri yang berleluasa pada zaman pemerintahan baginda: “Maka Sultan Alauddin bertempik lalu diparang baginda seorang, kena pingangnya putus seperti mentimun, penggal dua. Maka yang empat orang itu lari ke jambatan. Maka diperturut oleh baginda: datang ke bawah bodi, maka keempatnya berbalik menghadap Sultan Alauddin. Maka dibunuh pula oleh baginda seorang lagi...” Lihat, W.G. Shellabear (1991), *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 128.

⁴ Menurut Abd. Rahman Ismail, “Semasa penjajahan British, pahlawan Melayu seperti Dato’ Maharaja Lela, Dato’ Bahaman, Mat Kilau, Dol Said, Tok Janggut, Mat Salleh, Haji Abdul Rahman Limbong dan sebagainya meneruskan perjuangan menentang British. Semasa zaman darurat yang berlaku pada tahun 1948, orang-orang Melayu turut membantu pihak berkuasa menentang Komunis dan penentangan ini diketuai oleh individu yang mengamalkan seni silat seperti Kiyai Salleh di Batu Pahat, Johor”. Lihat, Abd. Rahman Ismail (2008), *Seni Silat Melayu: Sejarah Perkembangan dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5.

⁵ Faezah Kassim (2005), “Kepercayaan Orang Melayu Tradisional Dan Hubungannya Dengan Alam Sekitar”, *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jil. 3 Bil. 1, Jun 2005, h. 176.

⁶ Amalan kebatinan yang penulis maksudkan dalam penulisan ini ialah: “Suatu rupa amalan, upacara, adat istiadat, gerakan dan langkah yang dilakukan oleh pengamal-pengamal Seni Silat Melayu yang melibatkan penumpuan hati, lidah dan anggota pengamalnya, sama ada dilakukan di dalam gelanggang latihan atau luar gelanggang yang mengandungi unsur-unsur tidak nyata, ghaib, luar biasa, pelik, ajaib dan tidak logik serta berkait rapat dengan kepercayaan dan keyakinan tertentu yang menjadi pegangan sesuatu pertubuhan Seni Silat Melayu”.

⁷ Anuar Abd. Wahab (1996), *Silat Olahraga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4.

⁸ Lihat, *Mahkota Pahlawan: Bagi Yang Mahu Menang, Megah dan Hebat* (2005). Penyelaras Gerak Kerja Abjad Bahagian Persilatan dan Latihah Padang, h. 1.

⁹ Lihat, *Risalah Abjad Malaysia: Soal Jawab Untuk Mendapat Kefahaman Khas* (t.t), t.t.p., terbitan Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia.

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Lihat, *Mahkota Pahlawan: Bagi Yang Mahu Menang, Megah dan Hebat* (2005), h. 1.

¹² *Ibid.*, h. 5-6.

¹³ Di dalam Silat Persaudaraan Nasr al-Haq terdapat *bay'ah* dan sumpah seperti berikut: “*Wallahi Wa Billahi Wa Tallahi, saya bersumpah bahawa saya sentiasa akan menjalankan perintah ugama Islam yang suci. Demi Allah, saya bersumpah bahawa saya sentiasa akan taat kepada Allah dan Rasul dan patuh kepada ibu bapa, khalifah, guru dan sentiasa menjalinkan persaudaraan sesama seperguruan. Demi Allah, saya bersumpah bahawa saya akan ikut mempertahankan negara ini daripada ancaman komunis dan golongan anti Islam*” Lihat, Johannes Choeldi S.P., Datuk Abdul Samad Idris (1977), *Buku Panduan Nasr al-Haq*. Kuala Lumpur: Persaudaraan Nasr al-Haq Malaysia, h. 63.

¹⁴ Diantara contoh perkara luar biasa yang sering dikehendaki oleh seseorang murid ialah seperti menjadi kebal, boleh ghaib daripada pandangan orang, boleh makan racun, boleh ditanam di dalam tanah, tidak lemas dicampakkan ke dalam laut dalam keadaan terikat, tidak cedera ditetak senjata tajam dan lain-lain lagi.

¹⁵ Lihat, Ahmad bin Che Din (2006), *Penghuraian Misteri Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Abjad Malaysia, h. 129.

¹⁶ Menghormati ibu bapa memang di hukum wajib menurut hukum syarak. Oleh itu apabila bersumpah dan berjanji untuk tidak menderhaka kepada ibu bapa maka sumpah dan perjanjian tersebut adalah menyamai hukum syarak.

¹⁷ Tidak makan benda bernyawa seperti ikan, daging, ayam dan lain-lain adalah tidak dilarang pada hukum syarak bahkan ia dihukum harus. Contoh-contoh lain yang serupa, antaranya bersumpah dan berjanji untuk menyediakan hidangan berupa pulut kuning, ayam panggang, bubur warna dan bertih atau menyediakan pakaian kuning, selendang, cincin dan gelang atau menyediakan alat-alat senjata seperti keris, pedang dan lembing. Menyediakan perkara-perkara tersebut pada hukum asalnya adalah harus.

¹⁸ Berkahwin adalah suatu yang halal menurut hukum syarak bahkan ia sangat digalakkan. Oleh itu perbuatan mengharamkan sesuatu yang halal adalah suatu dosa besar dan haram. Contoh lain yang lebih jelas ialah seperti berjanji dan bersumpah untuk menyembelih kambing sebagai menjamu semangat atau meminum darah ayam hutan atau bertapa selama 40 hari di puncak gunung Jerai atau lain-lain.

¹⁹ Hukum *Taklifi* adalah suatu tanggungjawab atau bebanan ke atas setiap *mukallaf* agar melaksanakannya setelah menjadi orang Islam dengan mengucap dua kalimah syahadah. Hukum *Taklifi* menurut kebanyakan ulama *usul* mengandungi lima bahagian iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus. Lihat Abdul Karim Zaidan (1993), *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Tauzi‘ wa al-Nashr al-Islamiyyah, h. 29.

²⁰ Hukum *Wadi‘* berfungsi untuk mengikat sesuatu dengan sesuatu yang lain dengan menjadikan sesuatu itu sebab baginya atau syarat baginya atau tegahan daripadanya. Hukum *wadi‘* mengandungi lima bahagian iaitu sebab, syarat, *mani‘*, sah dan batal. Ulama *usul* telah membahagikan hukum syarak kepada dua bahagian iaitulah hukum *taklifi* dan hukum *wadi‘*. Jadi apabila seseorang mengucap dua kalimah syahadah maka wajiblih ke atas dirinya dua bahagian hukum syarak tadi. Lihat, *Ibid.*

²¹ *Mukallaf* ialah orang yang dikenakan ke atasnya bebanan hukum syarak. Para ulama menjelaskan bahawa *mukallaf* itu ialah orang yang baligh, berakal, yang sampai padanya seruan dakwah dan yang sejahtera pacaindera. Orang yang sebegini wajib atasnya hukum syarak sama ada yang berkaitan dengan hukum *taklifi* atau hukum *wadi'* kerana telah melafazkan ucapan dua kalimah syahadah. Lihat, Bakri Rajab (1994), *Hidayah al-Murid ila Jauharah al-Tauhid*. Beirut: Dar al-Khayr, h. 16.

²² Para fukaha mengatakan wajib ke atas seseorang berkahwin jika berkemampuan dan mempunyai keinginan (nafsu) untuk berkahwin yang jika tidak berkahwin dibimbangi terjebak dengan zina. Lihat, Al-Sayyid Sabiq (1994), *Fiqh al-Sunnah*, j. 2. Kaherah: Dar al-Fath Li al-'Ilam al-'Arabi, h. 110.

²³ Penulis pernah menghadiri majlis ijazah ilmu kebal yang diberi nama "Ilmu Baju Besi" yang dikendalikan oleh seorang imam di Kampung Nawa, Pokok Sena, Kedah pada tahun 80-an dahulu. Ilmu tersebut diturunkan kepada murid-muridnya secara *mushafahah* dan turut dikenakan pantang larang. Antara pantang larangnya ialah tidak boleh memakai ilmu baju besi tersebut apabila memasuki tandas.

²⁴ Berbeza dengan sebelum ini di mana ilmu diwarisi secara *bermubaya'ah* dan bersumpah tetapi dalam situasi ini, ilmu yang diwarisi daripada guru hanya dikenakan syarat yang dipanggil pantang larang tanpa dikenakan apa-apa sumpah.

²⁵ Contohnya tidak boleh meninggalkan sembahyang lima waktu, tidak boleh makan daging babi, tidak boleh makan dan minum dikedai orang kafir, tidak boleh derhaka kepada ibu bapa dan lain-lain lagi.

²⁶ Contohnya tidak boleh meninggalkan jampi serapah, tidak boleh bersembahyang di masjid, tidak boleh menziarahi jenazah dan lain-lain. Ternyata pantang larang sebegini adalah haram. Selain daripada pantang larang yang menepati hukum syarak dan yang berlawanan terdapat juga pantang larang yang harus menurut hukum syarak. Contohnya tidak boleh memakai kain melalui kepala, tidak boleh melintas di bawah penyidai, tidak boleh makan benda-benda bernyawa dan sebagainya. Pantang larang tersebut mengandungi *shubhah* kerana terdapat padanya unsur-unsur meminda hukum syarak daripada hukum harus menjadi haram.

²⁷ *Al-Nafi'u* bermaksud Allah yang maha memberi manfaat dan *al-Darru* bermaksud Allah yang maha memberi mudarat. Kedua-duanya termasuk di dalam *al-Asma al-Husna*.

²⁸ Lihat surah al-Buruj (85): 16

²⁹ Lihat surah al-Nisa (4): 78.

³⁰ Di dalam Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayung Malaysia terdapat latihan "Seni Belian" iaitu sejenis ilmu kebatinan. Latihan dan pelajaran "Seni Belian" ini hanya diajarkan kepada murid-murid tertentu sahaja. Dalam mempelajari "Seni Belian" ini, murid dikehendaki beramal dengan surah al-Ikhlas sebanyak 70 ribu kali dan beramal dengan ayat sembilan sebanyak 17 kali sehari semalam. Lihat, Zam Zam Abdul Hamid (1990), *Tempur Tanpa Senjata*. Kuala Lumpur: Creative Concept Publications, h. 9.

³¹ Dalam karangannya yang berjudul "*Mulhaq fi Bayan al-Fawa'id al-Nafi'ah fi al-Jihad fi Sabil lillah*", beliau membahagikan risalah tersebut kepada empat bahagian. Bahagian pertama berjudul: "*Faedah Yang Pertama Pada Menyatakan Ayat al-Quran Yang Jadi Azimat Yang Manfaat Di Dalam Perang Sabilillah dan Peliharaan Yang Menegahkan Daripada Kejahatan Orang Kafir*". Lihat, Wan Mohd Saghir Abdullah (2003), "Peranan Ulama Dalam Silat: Kepentingan dan Keselariannya Suatu Persamaan Dari Aspek Budaya dan Agama" (Kertas Kerja Seminar Ulama Berjiwa Panglima di Universiti Islam Antarabangsa, 21 disember 2003), h.13.

³² Diantara wirid pertahanan diri yang dimuatkan ialah: "...barangsiapa membaca akan doa ini pada tiap-tiap hari dan tiap-tiap malamnya, tiada mengena akan dia anak panah dan tiada mencapai akan dia daripada seteru yang dibencinya dan tiada mengena akan dia padah dan tiada mati selama ada ia membaca akan dia, maka jika dikehendaki Allah akan sampai taqdirnya nescaya dilupa akan dia daripada membacanya dan yaitu:" Lihat

Dawud bin Abdullah al-Fatani, *Munyah al-Musalli*. Bangkok: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa Auladah, h. 19.

³³ Dr. Amran Kasimin berkata: “Zikir-zikir yang diamalkan bertujuan untuk mendapat ilmu kebatinan, untuk kebal misalnya, merupakan matlamat yang salah. Rasulullah ﷺ dan para sahabat tidak mempunyai ilmu kebal. Baginda pernah luka dalam peperangan. Saidina Umar dan Othman bin Affan wafat di tangan orang yang membunuhnya.” Lihat, Amran Kasimin (1997), *Amalan Sihir Masyarakat Melayu: Satu Analisis*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd., h. 72.

³⁴ Kadang-kadang keluar daripada mulut ahli silat yang kuat beramal dengan zikir dan wirid-wirid, ungkapan-ungkapan seperti berikut, “Ayat ini mujarab”, “Doa ini *mustajab*”, “*Kaifiat* zikir begini menjadi”, “Kaedah wirid begini berkesan” dan lain-lain lagi. Kesemua ungkapan tersebut seolah-olah meletakkan ayat, doa, zikir dan wirid yang memberi bekas dan hasil. Fahaman yang berpegang kepada ayat-ayat dan wirid-wirid sebeginilah yang ditolak oleh PGSSAJKM.

³⁵ Lihat surah al-Ikhlash (112): 2.

³⁶ Amran Kasimin (1997), *Amalan Sihir Masyarakat Melayu: Satu Analisis*, h. 77.

³⁷ Diantara dalil yang menunjukkan bahawa jin boleh memasuki tubuh manusia ialah firman Allah di dalam surah al-Baqarah ayat 275.

³⁸ Amran Kasimin, Haron Din (1987), *Rawatan Gangguan Makhluk Halus Menurut al-Quran dan al-Sunnah j.2*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd., h. 174.

³⁹ Huraian lanjut sila lihat, Hasan Ayyub (1986), *Tabsit al-'Aqid al-Islamiyyah*, h. 202-206. Lihat juga, Ibrahim 'Abd al-'Alim 'Abd al-Bar (2001), *Al-Rad al-Mubin 'ala Bid'i al-Mu'alijin wa As'ilah al-Hairin fi Majal al-Mas wa Al-Sihr*. Kaherah: Al-Faruq al-Hadithah lil al-Tab'i wa al-Nashr, 271-277.

⁴⁰ Lihat Ahmad bin Muhammad bin Hanbal (1995), *al-Musnad*, “*Kitab al-Adab wa al-Akhlaq*”, “*Hadith 'Atiyyah al-Sa'di r*”, no. hadith 17908, j. 14., Kaherah: Dar al-Hadith, h. 27. Hadith ini turut diriwayatkan oleh Abu Dawud tetapi Albaniy melemahkan hadith ini. Lihat, Muhammad Nasir al-Din al-Albaniy (1991) *Da'if Sunan Abi Dawud*, “*Kitab al-Adab*”, “*Bab Ma Yuqal 'inda al-Ghadab*”, no. hadith 1025, Beirut: al-Maktabah al-Islami, h. 475.

⁴¹ Lihat, Abu Dawud Sulaiman ibn al -Ash'as al-Sajistany, (1989), *Sahih Sunan Abi Dawud*, “*Kitab al-Adab*”, “*Bab Ma Yuqal 'inda al-Ghadab*”, no. hadith 3999, j. 3., Beirut: Maktab al-Tarbiyyah al-'Arabiyy li Dual al-Khalij, h. 908.

⁴² Ulama tauhid menamakan perkara luar biasa tersebut sebagai “*Khawariq al-'Adah*” yang terbahagi kepada dua bahagian yang utama iaitu satu bahagian yang terpuji (haq) dan satu bahagian yang keji (batil). Bahagian yang terpuji ialah *al-Mu'jizah*, *al-Karamah*, *al-Irhas* dan *al-Ma'unah*. Sementara yang keji ialah *al-Ihanah*, *al-Istidraj*, *al-Sha'wazah* dan *al-Sihr*. Lihat, Hasan Ayub (1986), *Tabsit al-Aqid al-Islamiyyah*, h. 146.

⁴³ Sama ada mengambil ilmu dan amal secara *mubaya'ah* yang disertai dengan sumpah melalui mimpi seperti yang telah dibincangkan sebelum ini atau mengambilnya secara jaga melalui aktiviti pertapaan di hutan atau di gunung.

⁴⁴ Umpamanya mengambil wirid atau doa-doa untuk pertahanan diri daripada seorang tokoh yang terkenal soleh dan berilmu serta beliau mempunyai sanad keilmuan dan perguruan yang sah. Di dalam PGSSAJKM perkara ini sangat dititikberatkan.

⁴⁵ Umpamanya beramal dengan wirid atau jampi untuk pertahanan diri yang diambil daripada orang yang berkekalan melakukan dosa-dosa besar dan dosa kecil seperti orang yang tidak menjaga solat lima waktu, meninggalkan puasa di bulan Ramadan dengan sengaja, melengah-lengahkan ibadat haji, suka membuat fitnah dan permusuhan, bersikap takabur, riak dan bermegah-megah serta lain-lain lagi. Sekiranya ilmu dan amal yang

dipelajari dan dipraktikkan itu membuahakan perkara-perkara luar biasa seperti kebal maka ia termasuk dalam kategori *istidraj*, *sihir* atau *sya'wazah*.

⁴⁶ Umpamanya mengambil mentera dan jampi serapah untuk pertahanan diri daripada sami-sami. pendita-pendita, rahib-rahib dan bomoh-bomoh yang telah murtad akibat daripada bersahabat dengan jin dan khadam-khadam bersyarat. Perkara-perkara luar biasa yang lahir daripada ilmu dan amal yang berpunca daripada orang yang seperti mereka adalah termasuk dalam kategori *sihir* dan *istidraj* semata-mata.

RUJUKAN

Abd. Rahman Ismail (2008), *Seni Silat Melayu: Sejarah Perkembangan dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Karim Zaidan (1993), *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Kaheerah: Dar al-Tauzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.
Abu Dawud Sulaiman ibn al -Ash'as al -Sajistaniy, (1989), *Sahih Sunan Abi Dawud*, j. 3., Beirut: Maktab al -Tarbiyyah al-Arabiyy li Dual al-Khalij.

Ahmad bin Che Din (2006), *Penghuraian Misteri Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Abjad Malaysia.

Ahmad bin Muhammad bin Hanbal (1995), *al-Musnad*. j. 14., Kaheerah: Dar al-Hadith.

Amran Kasimin (1997), *Amalan Sihir Masyarakat Melayu: Satu Analisis*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd.

Amran Kasimin, Haron Din (1987), *Rawatan Gangguan Makhhluk Halus Menurut al-Quran dan al-Sunnah j.2*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd.

Anuar Abd. Wahab (1996), *Silat Olahraga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bakri Rajab (1994), *Hidayah al-Murid ila Jauharah al-Tauhid*. Beirut: Dar al-Khayr.

Dawud bin Abdullah al-Fatani, *Munyah al-Musalli*. Bangkok: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa Auladah.

Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu (1999), j. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Faezah Kassim (2005), "Kepercayaan Orang Melayu Tradisional Dan Hubungannya Dengan Alam Sekitar", *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jil. 3 Bil. 1, Jun 2005.

Hasan Ayyub (1986), *Tabsit al-'Aqaid al-Islamiyyah*. Kaheerah: Dar al-Turath al-arabiy.

Ibrahim 'Abd al-'Alim 'Abd al-Bar (2001), *Al-Rad al-Mubin 'ala Bid'i al-Mu'alijin wa As'ilah al-Hairin fi Majal al-Mas wa Al-Sihr*. Kaheerah: Al-Faruq al-Hadithah lil al-Tab'i wa al-Nashr.

Johannes Choeldi S.P., Datuk Abdul Samad Idris (1977), *Buku Panduan Nasr al-Haq*. Kuala Lumpur: Persaudaraan Nasr al-Haq Malaysia.

Mahkota Pahlawan: Bagi Yang Mahu Menang, Megah dan Hebat (2005). Penyelaras Gerak Kerja Abjad Bahagian Persilatan dan Latihah Padang.

Muhammad Nasir al-Din al-Albaniy (1991) *Da'if Sunan Abi Dawud*. Beirut: al-Maktabah al-Islami.

Risalah Abjad Malaysia: Soal Jawab Untuk Mendapat Kefahaman Khas (t.t), t.t.p., terbitan Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia.

Sayyid Sabiq (1994), *Fiqh al-Sunnah*, j. 2. Kaherah: Dar al-Fath Li al-‘Ilam al-‘Arabi.

Tuan Ismail Tuan Soh (1991), *Seni Silat Melayu Dengan Tumpuan Kepada Seni Silat Sekebun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

W.G. Shellabear (1991), *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Wan Mohd Saghir Abdullah (2003), “Peranan Ulama Dalam Silat: Kepentingan dan Keselariannya Suatu Persamaan Dari Aspek Budaya dan Agama” (Kertas Kerja Seminar Ulama Berjiwa Panglima di Universiti Islam Antarabangsa, 21 disember 2003).

Zam Zam Abdul Hamid (1990), *Tempur Tanpa Senjata*. Kuala Lumpur: Creative Concept Publications.